

Lahir di Malaysia tidak jamin dapat kewarganegaraan

# Long Tiger miliki MyKas, bukan MyKad

Oleh MASZUREEN HADZMAN  
maszureen.hadzman@mediamulia.com.my


**PETALING JAYA:** Semakan pangkalan data Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mendapati Long Tiger atau Abdul Hamim Ab. Hamid adalah Pemegang Kad Pengenalan Pemastautin Semestara atau MyKas.

Status tersebut sekali gus menolak dakwaan bahawa Long Tiger memiliki kad pengenalan dan warganegara Malaysia.

Sumber mendedahkan kepada *Mingguan Malaysia*, menerusi semakan sama, Long Tiger dilahirkan di Hospital Menta-kab, Pahang pada Februari 1989 dan membuat permohonan MyKas ketika berusia 12 tahun.

Pengeluaran MyKas adalah amalan biasa kepada individu bukan warganegara atau mereka yang tidak dapat ditentukan kewarganegaraan.

Dalam hal ini, kata sumber itu, sijil kelahiran yang dikeluarkan kepada anak yang bertaraf bukan warganegara adalah sebagai rekod bahawa kelahirannya berlaku di Malaysia.



**ABDUL HAMIM AB. HAMID**

“Kelahiran seseorang individu yang berlaku di Malaysia tidak menyebabkan individu berkenaan memperoleh kewarganegaraan secara automatik.

“Ini kerana kewarganegaraan seseorang ditentukan berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu atau bapa kandung mengikut peruntukan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, Citizenship Rules 1964 serta perundangan berkaitan yang masih berkuat kuasa,” jelas

sumber itu kelmarin.

Sumber itu memberitahu, JPN bertanggungjawab mendaftarkan setiap kelahiran di negara ini tanpa mengira anak berkenaan bakal diiktiraf sebagai warganegara atau bukan warganegara.

“Perkara ini berdasarkan Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) bagi semenanjung Malaysia, Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Bab 123 (No.11 Tahun 1951) bagi Negeri Sabah dan Ordinan Kelahiran dan Kematian Bab 10 (No.6 Tahun 1951) bagi Negeri Sarawak,” jelasnya.

Terdahulu pada 15 Disember, Long Tiger yang lari dari lokap Mahkamah Majistret Tangkak, Johor ditangkap di Sungai Petani, Kedah selepas 13 hari menjadi pelarian.

Semasa ditahan lelaki berketurunan Rohingya itu disyaki dalam rancangan lolos ke Thailand atau Indonesia.

Polis merampas dokumen pengenalan dirinya dan selepas semakan ia bukan Mykad seperti dipertikai beberapa pihak.